

15 APR 1998

Sukom-Penyiaran

CBC PEMEGANG BARU HAK SIARAN SUKOM

KUALA LUMPUR, 15 April (Bernama) -- Perbadanan Penyiaran Kanada (CBC) memeterai perjanjian untuk menyertai pemegang-pemegang hak utama negara-negara anggota Komanwel bagi Sukan Komanwel ke-16 pada September ini.

Menurut kenyataan Sukom Ninety Eight Berhad hari ini, pemegang-pemegang hak yang lain adalah Perbadanan Penyiaran Australia (ABC-radio), Perbadanan Penyiaran Britain (BBC), Perbadanan Penyiaran Afrika Selatan, ESPN Star Sports (Asia), Television New Zealand, Perbadanan Televisyen Singapura dan Radio Televisyen Brunei.

Jen (B) Tan Sri Hashim Mohd Ali, pengerusi eksekutif Sukom Ninety Eight Berhad menandatangani kontrak berkenaan di bangunan CBC di Toronto kelmarin. Ian Howard daripada API Sponsorship Sdn Bhd, Naib Presiden Network Television Jim Byrd, dan Ketua Rangkaian Sukan Alan Clark, menyaksikan upacara itu.

CBC mendapat hak eksklusif bagi siaran radio dan televisyen Sukan Kuala Lumpur '98 dalam bahasa Inggeris dan Perancis.

CBC mempunyai talian sejarah yang lama dengan Sukam Komanwel dan pada Sukan Victoria '94 dahulu, mereka adalah pemegang hak Kanada dan penyiar tuan rumah.

Sementara itu, Sukom akan melancarkan satu kad cenderahati khas dikenali sebagai Kad Cenderahati Kuala Lumpur '98 sebagai kenangan Sukan Komanwel pada 26 April dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka melancarkan kad istimewa itu di Dataran Merdeka.

Kad-kad khas itu akan dijual sebaik sahaja selepas pelancaran di beberapa tempat termasuk Pos Malaysia, cawangan-cawangan Bank Simpanan Nasional, United Merchant Finance dan Bank Ban Hin Lee. Kad-kad itu juga seterusnya boleh diperolehi di stesen-stesen minyak BP, Caltex dan Esso yang mengambil bahagian.

Kad cenderahati itu juga membolehkan rakyat Malaysia "mengimbas sejarah" Sukan Kuala Lumpur '98. -- BERNAMA

ERE ZAB